

12 MAY 2000

Umno-Najib

KEBENARAN BERKEMPEN MUNGKIN DIBINCANGKAN OLEH PEMIMPIN PARTI

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Naib presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata pemimpin-pemimpin Umno mungkin akan membincangkan perlunya kempen dibenarkan pada pemilihan Umno akan datang.

"Kami akan membahaskan perkara itu dalam Majlis Tertinggi. Saya fikir kami akan mendapatkan pandangan-pandangan dari luar juga. Terdapat baik dan buruknya perkara ini," katanya kepada pemberita di sini semasa perhimpunan agung Umno berhenti rehat.

Ada anggota Umno yang berkata jika parti membenarkan kempen, politik wang akan muncul semula sementara yang lain berkata kempen secara sihat patut dibolehkan kerana ia merupakan sebahagian daripada proses demokrasi dalam parti, katanya.

Bagaimanapun Najib berkata: "Saya rasa berilah kami sedikit masa untuk membuat keputusan mengenai apa yang perlu dilakukan kerana kita masih ada masa sebelum kempen pemilihan akan datang." Najib mengekalkan jawatannya pada pemilihan parti semalam.

Ditanya mengenai gandingan beliau dan dua lagi naib presiden - Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin - Najib berkata: "Saya lihat ia satu gandingan yang baik, di kalangan mereka yang berpengalaman. Mereka (anggota) memilih pemimpin yang mungkin pada pendapat mereka ada kelapangan untuk menjalankan kerja-kerja parti. Saya percaya tidak ada masalah untuk kami bekerja dan membantu memperkukuhkan parti."

Ditanya mengenai ketiadaan calon wanita yang memenangi kerusi Majlis Tertinggi, Najib berkata: "Itu mungkin tidak disengajakan. Mungkin sebab ramai sedikit calon wanita (lima orang), mungkin ekoran pemilihan yang begitu hebat dalam (pemilihan) wanita, ada kesan dalam pemilihan ini."

Bagaimanapun Najib percaya bahawa Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan sesuatu untuk mengimbangi penglibatan kaum wanita di peringkat majlis tertinggi.

-- BERNAMA

MK RON